

'Durian kuning' bahaya dimakan

» Buah direndam bahan kimia akibatkan alahan teruk terutama pesakit asma

Oleh Nur Fatin Mohd Satar

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Buah durian yang direndam dalam air bercampur bahan kimia seperti sulfur bagi mengekalkan kesegarannya boleh menyebabkan alahan teruk kepada pemakan, terutama pesakit asma.

Pensyarah Hortikultur Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Phebe Ding, berkata kaedah itu bertujuan mengawet buah bagi mengelakkan jangkitan kulat dan bakteria melalui serangga yang boleh menyebabkan buah rosak.

"Sulfur digunakan bagi mengelakkan isi buah daripada menjadi perang, namun daripada sudut kesihatan ia mengakibatkan pesakit asma menjadi lebih teruk. Mereka juga mungkin menggunakan pewarna industri untuk pakaian yang harganya jauh lebih murah.

"Bahan kimia ini tidak memberi kesan kepada kesihatan dalam jangka masa pendek, namun menjejaskan kesihatan dalam jangka masa panjang," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penyebaran gambar durian direndam dalam air berwarna kuning dalam media sosial, terutama Facebook.

Gambar jadi viral

Gambar yang menjadi viral itu menunjukkan individu merendam durian dalam cecair berwarna kuning yang didakwa dirakam di negara jiran.

Dr Phebe berkata, buah itu dipercayai direndam dalam bahan mengandungi kimia bercampur pewarna kuning untuk memastikan isu durian berwarna kuning.

"Mereka hanya perlu merendam antara dua hingga tiga jam sahaja. Isi bertukar kuning, dipercayai berpunca daripada bahan pewarna yang diserap melalui tangkai durian.

"Saya menyarankan supaya orang ramai hanya memakan buah-buahan tempatan yang tidak mempunyai racun dan selamat untuk dimakan," katanya.

Beliau juga berkata, kesegaran asli buah hanya bertahan satu atau dua hari dan peniaga menggunakan kaedah rawatan menyembur bahan kimia sebelum diekspor.



Gambar yang menjadi viral dalam media sosial, terutama Facebook menunjukkan seorang pekerja merendam durian dalam cecair berwarna kuning yang didakwa di negara jiran. Gambar kecil, tangkai durian jelas berwarna kekuningan akibat rendaman sulfur.



“Sulfur digunakan bagi mengelakkan isi buah daripada menjadi perang, namun daripada sudut kesihatan ia mengakibatkan pesakit asma menjadi lebih teruk. Mereka juga mungkin menggunakan pewarna industri untuk pakaian yang harganya jauh lebih murah”

Dr Phebe Ding,
Pensyarah Hortikultur UPM

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online